



SEBAHAGIAN daripada kakitangan Shaklee dan Yayasan MyKasih pada majlis pelancaran Shaklee Cares For Our Children di Petaling Jaya semalam.

# Shaklee labur RM1 juta bantu 2,000 keluarga jaga kesihatan

**PETALING JAYA** – Shaklee Products (M) Sdn. Bhd. (Shaklee) menyalurkan bantuan berjumlah RM1 juta dalam bentuk minuman nutrisi kepada 2,000 keluarga yang berdaftar dengan Yayasan MyKasih.

Ia menerusi program *Shaklee Cares for Our Children* yang merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat.

Presiden Shaklee, Victor Lim berkata, matlamat penganjuran program ber-

sama Yayasan MyKasih itu menekankan pentingnya pengambilan nutrisi dalam kalangan kanak-kanak tempatan untuk meningkatkan kesihatan mereka.

“Kami komited membantu memberi sumbangan dan pada masa yang sama mempromosikan gaya hidup sihat melibatkan penyertaan kanak-kanak dalam program kemasyarakatan kami.

“Nutrisi sangat penting dalam tumbesaran dan

perkembangan mental dan fizikal kanak-kanak.

“Oleh itu, kerjasama dengan pihak yayasan dalam memastikan kanak-kanak ini sentiasa sihat melalui program bantuan makanan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis pelancaran pengumuman kolaborasi dengan Yayasan MyKasih bagi penganjuran program *Shaklee Cares for Our Children* di sini semalam.